

# RESEPTOR

PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

BIL. 03

Konsep 1 Malaysia

Lasbela 2 ke Beijing China

**INTERNATIONAL CONFRENCE  
COMMUNICATION DYNAMIC (ICCD) 2010**

Kolokium Titian Integrasi Etnik

Pengukuhan Integriti 1 Malaysia

Intensive English Language Programme



UTEM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PUSAT BAHASA DAN  
PEMBANGUNAN INSAN

Matlamat  
ujuan

P  
57  
.M4  
.R47  
2010  
a  
v3

MALAYSIA

Malaysia

## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan  
(Naib Canselor, UTeM)

### Penasihat

Prof. Dr. Mohd. Taib bin Dora  
(Dekan PBPI)

### Ketua Editor

Nor Hazlen Niza binti Hussein

### Penolong Ketua Editor

Noraini binti Husin  
Mohamad Zahir bin Zainudin

### Pemberita

Ahmad Jawahir bin Tugimin  
Rosli bin Saadan  
Anidah binti Robani  
Muliati binti Sedek  
Rohayati binti Abdullah  
Noraini binti Buang  
Nor Fazilah binti Abdul Hamid  
Nurlisa Loke binti Abdullah  
Shahrul Izwan bin Adnan  
Noor Baiduri binti Abdul Halim  
Nooraini binti Sulaiman  
Kalthom binti Husain  
Subatira Balakrishnan  
Nor Azilah binti Ahmad

## Isi Kandungan

Sekapur Sireh Seulas Pinang	2
Peneraju UTeM	3
Carta Organisasi PBPI	3
Lasbelia 2 Ke Beijing China	4-5
Interpretasi Manifestasi Fikiran	6-7
ICCD 2010	8
<b>Artikel Pilihan -</b> Konsep Satu Malaysia	9-10
Kolokium Titian Integrasi Etnik	11
MyLinE in UTeM	12
Pertandingan Crazy Golf Putting 2010	13
Karnival Sukan	14
Latihan Pantai Taekwondo Bengkel Bridging	15
Research to Teaching	16
FE Module Revamping	17
Pemantapan Modal Insan PBPI	18
Malaysian Soft Skills Scale - My3s	19
Intensive English Language Programme	20
Lawatan ke Brunei dan Bangkok	21
Forum Pengukuhan Integriti 1Malaysia	22
Galeri PBPI	23-24

# Sekapur Sireh Seulas Pinang

## Dari Meja Dekan

Assalamualaikum , salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Alhamdulillah segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Illahi atas limpahan rahmatNya, maka kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama hidup dalam aman dan harmoni. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekulung terima kasih, syabas dan tahniah kepada mereka yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan RESEPTOR edisi ke- 3 ini.

Terbitan RESEPTOR edisi ke-3 ini secara tidak langsung mencerminkan kejayaan bukan sahaja daripada warga PBPI malah seluruh warga UTeM. RESEPTOR edisi ke-3 ini merupakan suatu medium dalam menyampaikan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh PBPI bagi tahun 2009 dan 2010. Diharap buletin ini dapat memberi gambaran jelas mengenai PBPI dari pelbagai sudut dan aspek. Malah menyampaikan segala maklumat perkembangan dan aktiviti terkini supaya dapat dimanfaatkan oleh semua. Sewajarnya buletin ini dikemaskinikan dari semasa ke semasa agar dapat berpeluang memperoleh sebanyak mungkin maklumat dan berkongsi pengalaman bagi kebaikan dan manfaat bersama. Saya amat berharap melalui medium seperti ini, ia akan memudahkan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Selain itu, sebagai sebuah entiti akademik yang berwawasan, PBPI sedang mengorak langkah bagi mengwujudkan sebuah fakulti yang mencerminkan kepakaran dan kewibawaan kita di persada negara. Hasrat ini masih jauh dan memerlukan komitmen jitu serta pengembangan usaha semua pihak sama ada kalangan staf akademik maupun staf sokongan agar ianya dapat direalisasikan pada tahun depan, Insyia Allah.

Akhir kalam, semoga dengan penerbitan buletin ini akan dapat mempertautkan kita sebagai satu pasukan bagi mencapai visi dan misi PBPI. Di samping mengeratkan lagi silaturahim dan hubungan muhibah dengan semua pihak, demi bersama-sama mempertingkat kemajuan dan kecemerlangan Universiti. Semoga usaha murni kita akan mendapat keberkatan dan keredaan Illahi.

## DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya, dapat kita bersua lagi melalui Buletin RESEPTOR keluaran ketiga ini. Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia adalah langkah yang bertepatan dengan suasana dan citarasra rakyat. 1Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Persoalan sejauh mana komitmen kita sebagai pendidik, mahupun komitmen pelajar sebagai warga yang mengimarahkan kampus dalam mendokong aspirasi 1Malaysia masih jarang diperdebatkan. Apakah yang telah dilakukan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), khususnya, untuk menyemarakkan semangat 1Malaysia di kalangan pelajarnya? Apa pula yang boleh kita sumbangkan secara individu untuk menyokong aspirasi ini? Cukupkah apa yang telah dilakukan, dan apa lagi yang boleh diperbaiki? Namun begitu, persoalan yang paling memerlukan jawapan kala ini adalah: sejauh manakah pemahaman warga kampus mengenai Konsep 1Malaysia? Di saat negara kita sedang dilanda badi 1Malaysia, sambutan warga kampus nampak seperti suam-suam kuku sahaja, atau adakah mereka sendiri yang enggan memberikan komitmen dek kerana kesibukan sebagai pelajar sedangkan pelbagai aktiviti telah dilambakkkan oleh pihak universiti? Reseptor kali ini mengupas isu penerapan nilai-nilai 1Malaysia, dan penerimaannya di kalangan warga kampus. Semoga budaya kerja yang profesional, sihat dan harmoni akan dapat diteruskan di PBPI. Insyallah...

Sekian, wassalam





# Peneraju UTeM



**PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
(Naib Canselor)



**DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN**  
Timbalan Naib Canselor  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)



**PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**  
Timbalan Naib Canselor  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)




اوپرسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

Prof. Dr. Mohd Taib bin Haji Dora  
Dekan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Carta Organisasi PBPI ►



Muliati binti Sedek  
Ketua Jabatan Bahasa

Mohamad bin Hj. Bokhari  
Ketua Jabatan  
Pengajian Islam dan  
Kemanusiaan

Rostli bin Saadan  
Ketua Jabatan  
Pengajian Kokurikulum

Rahman bin Hashim  
Ketua Jabatan  
Pembangunan Insan

Anidah binti Robani  
Penyelaras Kemahiran  
Insaniah

Noraini binti Husin  
Pengurus Makmal

Suhadawati binti Ahmad  
Penolong Pendaftar



**Penulis :**  
Noraini Binti Buang

## CATATAN LASBELA II KE BEIJING CHINA



Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah menganjurkan LASBELA II ke Beijing, China pada 13-17 Mac 2010. LASBELA II ini diketuai oleh Dekan, staf PBPI dan turut serta staf PTJ lain seramai 20 orang termasuk ahli keluarga yang turut serta dalam rombongan ini.

Di samping bertujuan menimba pengalaman baru dan mendapatkan idea-idea baru, LASBELA ini dapat melihat kesan sosio-budaya yang menjadi kebanggaan masyarakat Cina hingga hari ini. Pakej Muslim yang amat berbaloi yang ditawarkan oleh Southern Sky Travel & Tours menjadikan kami semuanya teruja untuk ke Beijing, China. Ini kerana sejarah tamadun China yang bermula terlalu lama sejak 5,000 tahun lalu pastinya menjanjikan nilai tambah percutian yang mengagumkan. Berlepas dari Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT) di Sepang, Kuala Lumpur, hati di dalam mula rasa berdebar-debar sebaik pesawat Airbus 330 mendarat di landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Tianjin Binhai di China. Ini kerana memandang ke luar tingkap pesawat, cuaca di sekitar lapangan terbang itu agak berkabus. Melangkah ke balai ketibaan, cuaca sejuk semakin menyelubungi tubuh sambil diselang-seli dengan keadaan berangin yang nyaman. Perjalanan dari Tianjin ke Beijing mengambil masa sekitar dua jam. Sampai di Beijing, suhu cuaca yang membengelgu minda hilang secara tiba-tiba. Semua peserta LASBELA terpesona dengan panorama indah ibu negara China itu apabila melihat kotanya yang bersih dan teratur. Bangunan pencakar langit yang berunsur moden tegak berdiri di segenap ruang malah amat mengagumkan berikut kebanyakannya reka bentuknya bercirikan futuristik. Sebelum semua peserta dibawa ke persempahan akrobatik, kami menjamu selera di restoran Muslim yang telah disediakan. Menu pula lebih kurang di Malaysia. Cuma rasanya sedikit pedas dan berminyak kerana menggunakan rempah yang banyak. Menu utama adalah telur dadar bersama ikan goreng bersos selain daging masak kicap bawang. Kebanyakan sayur-sayuran pula seperti kobis lebih kepada bergoreng dan tidak berkuah. Turut disediakan sup telur dan sebagai melengkap hidangan, sudah tentu teh Cina panas yang merupakan minuman wajib.

Di hari kedua, bersama ACAI pemandu pelancong yang amat fasih berbahasa Indonesia, peserta LASBELA dibawa ke satu lagi lokasi popular di Beijing iaitu Kota Larangan (Forbidden City) yang terletak di utara Dataran Tiananmen dan dibina pada tahun 1406. Menurut ACAI, Kota yang siap pada tahun 1420 menjadi kediaman rasmi pemerintahan beraja China apabila Maharaja Yongle, iaitu maharaja ketiga daripada dinasti Ming memindahkan pusat pemerintahan negara itu dari Nanjing ke Beijing. Kota tersebut yang mempunyai keluasan 74 hektar dikelilingi tembok setinggi 10 meter dengan panjang 3,400 meter selain turut dikelilingi parit sedalam enam meter dan lebar 52 meter.

Bagaikan tidak percaya, cuaca yang mulanya sejuk berangin tertukar saji. Jangan katakan sejuk beku, malahan pengalaman kami dibasahi hujan salji seolah-olah ais batu dikisar-kisar jatuh ke atas kami. Peserta terpaksa mengharungi hujan salji yang tebal semasa memasuki Kota Larangan (Fordidden City) dan hampir 2 jam melewati Kota Larangan kerana semua peserta perlu menghabiskan laluan yang disediakan untuk keluar dari Kota ini.



Semua peserta menuaikan solat di Masjid Nan Dau Ya. Menurut ACAI Masjid ini berkeluasan 2,000 meter persegi dan terletak di tengah kawasan He Pei, masjid itu agak terlindung kerana dihimpit bangunan di kiri kanannya. Seni binanya agak moden tapi masih mengekalkan ciri-ciri ukiran China manakala ruang solat wanita terpisah daripada dewan solat lelaki. Paling mencuri perhatian apabila terdapat papan tanda dalam Bahasa Melayu di tempat mengambil wuduk lelaki dan wanita. Peserta seterusnya dibawa ke Fresh Water Pearl Center and Foot Massage dan semua peserta dapat merehatkan diri sebentar apabila semuanya menikmati urutan kaki percuma. Selepas itu semua peserta tidak melepaskan peluang untuk bergambar di kawasan sekitar yang dipenuhi salji. Pesan ACAI kepada semua peserta supaya memakai pakaian sebanyak 3 lapis dan juga baju panas, kerana cuaca dijangkakan semakin sejuk dan hujan salji disebabkan pada hari esoknya kami semua akan ke Tembok Besar China.

Keesokan harinya dapat menjelaki salah satu daripada tujuh keajaiban dunia iaitu Tembok Besar China yang seolah-olah melengkapkan LASBELA di Beijing. Tembok Besar China yang menjadi lokasi wajib pelancong asing itu menjadi tumpuan kerana monumen luar biasa buatan manusia paling panjang di dunia iaitu 6,450 kilometer. Tembok yang merentangi banjaran tinggi dari Genting Shanhaiguan di wilayah Hebei hingga ke Jiayuguan di wilayah Gansu mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 1987.




LASBELA diteruskan ke Kedai Jed dan Kristal, peserta tidak melepaskan peluang untuk membeli-belah untuk dijadikan hadiah kepada keluarga apabila pulang nanti. Seterusnya, peserta berkunjung ke Burning Cream Centre. Aktiviti yang ditunggu-tunggu sudah pasti pergi membeli-belah di Silk Market dan Sunny Gold Street Market kerana harga barang yang murah. Selain itu kami ke Summer Palace atau Istana Musim Panas yang menjadi tempat tarikan pelancong tempatan dan asing setiap hari. Menurut ACAI, bangunan ini dibina oleh Raja Qianlong pada tahun 1751 dan pada musim panas saban tahun, istana ini menjadi lokasi bagi maharaja dan maharani untuk menghabiskan masa mereka.

Peserta berpeluang menuaikan solat di Masjid Ma Dian antara masjid yang terkenal dengan beratus tahun nilai sejarahnya. Selepas itu, peserta ke Olympic Stadiums – Bird Nest and Water Cube. Memang menakjubkan keindahan stadium dan semua berkesempatan mengambil gambar kenang-kenangan kerana di sitalah sukan Olimpik diadakan pada tahun 2008.

Seterusnya kami dibawa ke Jewelry Shop yang dimiliki oleh ahli perniagaan Malaysia yang berasal dari Klang Selangor. Harga yang ditawarkan juga berpatutan. Ada juga peserta yang membeli belah di sini. Saat yang ditunggu telah tiba apabila pemandu pelancong membawa rombongan ke Tian Ya Hong Qiao Market untuk semua peserta membeli belah. Semuanya pasti rambang mata apabila berada di sana dan bagaikan tidak tahu apa yang hendak dibeli untuk tempoh sejam yang pertama. Semasa membeli belah, pastikan anda tidak terpengaruh dengan gelagat penjual yang terlalu agresif dan seolah-olah ingin bergaduh dengan pelancong. Apa yang penting mesti bulat hati dengan harga yang kita mahukan dan jangan sesekali mengalah dengan suara-suara penjual yang semakin tinggi apabila tidak berpuas hati dengan harga yang kita tawarkan. Itulah kenangan paling manis buat semua ahli LASBELA dapat menawar harga dan membeli barang dengan harga jauh lebih murah.

Di malam terakhir di kota Beijing, semua ahli LASBELA ke Hard Rock Café Souvenir Shop untuk membeli lagi cenderamata untuk dibawa pulang ke Malaysia. Bagaikan tidak puas membeli belah, semua ahli LASBELA memujuk ACAI untuk membawa kami kembali ke Sunny Gold Street Market keesokan harinya sebelum kembali ke Malaysia untuk beli-belah kali terakhir kerana harga barang seperti cadar, alas meja, baju dan lain-lain barang dijual dengan harga yang amat murah. Memang berbaloi-baloi.

Lima hari di Beijing, macam sekejap sahaja masa berlalu, Penerbangan balik dari Tianjin-Beijing-LCCT mengambil masa 6 jam bagaikan tidak terasa kerana semua ahli LASBELA tersenyum puas dengan kenangan berhujarkan salji, melawat tempat-tempat bersejarah di Beijing dan yang penting dapat membeli belah dengan harga yang memang berpatutan. Jika diberikan peluang, pasti kami akan ke sana lagi. Beijing oh Beijing.... dalam kenangan.





Konsep Satu Malaysia membawa aspirasi untuk memperkuuh hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat sebagaimana kehendak prinsip Rukun Negara. Terdapat lapan nilai yang diterapkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam konsep '1 Malaysia'. Nilai-nilai murni ini diharap dapat menyatupadukan rakyat Malaysia. Antara pekara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. Rakyat perlu memahami dan mengamalkan bahawa segala tindakan perlulah mengutamakan kepentingan negara. Nilai ketujuh dalam konsep 1Malaysia menjurus kepada nilai pendidikan kerana pendidikan dan pengetahuan adalah prasyarat penting untuk mana-mana negara mencapai kejayaan.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Nilai pendidikan dalam konsep 1Malaysia adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara, bersikap toleransi demi wujudnya perpaduan rakyat berbilang kaum dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.

Sedang Negara dibentangkan dengan pelbagai cabaran demi untuk menyemarakkan kelapan-lapan nilai 1Malaysia di kalangan masyarakat, para pendidik di pelbagai lapisan tahap pendidikan pula bertungkus-lumus mencari formula sesuai bagi menyemarakkan suasana 1Malaysia sesuai dengan suasana institusi pendidikan masing-masing. Wakil Reseptor menyelam pengalaman Dr. Mariana binti Yusoff, pensyarah berpengalaman dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) mengenai langkah-langkah yang diambil oleh PBPI secara khususnya dan UTeM secara amnya dalam menyokong konsep 1Malaysia di kalangan staf dan pelajar UTeM.

Reseptor : Konsep 1Malaysia dapat diterima dengan tangan terbuka oleh kesemua staf dan pelajar UTeM, namun begitu pada masa yang sama masih ramai yang agak kabur dengan nilai-nilai aspirasinya. Mengapa terjadi sedemikian?

Dr. Mariana : Pada dasarnya, konsep 1Malaysia sebenarnya bukanlah satu pemikiran yang baru. Malah, konsep ini sebenarnya telah lama dilaksanakan tetapi tidak disedari. Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Razak telah menggabungkan konsep ini dengan dasar-dasar kerajaan terdahulu. Penggabungan ini diolah atau diberi nafas baru dengan memberi penekanan kepada lapan nilai aspirasi. Persoalan tentang mengapa masih ramai warga UTeM yang masih agak kabur tentang konsep ini...hmmm...secara kasarnya perkara ini berlaku berdasarkan kepada tiga sebab. Pertama, dari segi penerimaan, kedua, pemahaman dan yang ketiga, pengamalan. Dari segi penerimaan, walaupun konsep 1Malaysia ini sering dilaung-laungkan dan ditekankan oleh pemimpin dan disiarkan di media masa dan media cetak, namun menjadi kebiasaan, apa-apa juar perkara yang baru memang mengambil masa. Malah, cara penerimaan ini juga berbeza-beza mengikut umur, mengambil kira pengalaman dan latarbelakang seseorang individu itu. Bila kita tidak boleh menerima ide yang baru, maka kita tidak dapat memahami apa yang cuba disampaikan. Bila tidak boleh terima dan tidak faham, bagaimana kita hendak sampai ke tahap pengamalan atau mempraktikkannya? Pendapat saya, di peringkat universiti, kita boleh mulakan dari peringkat asas dahulu tentang perkara-perkara yang mudah diterima, difahami dan diamalkan oleh warganya terutama para pelajar. Pelaksanaan ini adalah berperingkat hingga kita boleh mencapai objektif sebenar 1Malaysia.

Reseptor : Secara amnya, para pelajar berpendapat penganjuran aktiviti yang menyokong kepada konsep 1Malaysia di peringkat universiti mahupun PBPI masih terlalu kurang. Adakah Dr. Mariana bersetuju dengan pendapat mereka?

Dr. Mariana : Secara peribadi, saya kurang bersetuju dengan pendapat ini. Bagi saya, penerapan konsep 1Malaysia ini tidak terhad kepada penganjuran aktiviti secara formal semata-mata. Malah, penerapan konsep ini boleh diterjemahkan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar yang terdiri dari berbagai bangsa dan etnik mengamalkan sikap toleransi dan bekerjasama dalam menyiapkan sesuatu projek atau tugas yang diberikan oleh pensyarah. Mereka bukan sahaja berkongsi ilmu malah mereka juga menyemai perasaan hormat menghormati dalam diri mereka dan juga rakan dari bangsa lain serta dapat memberi komitmen yang tinggi terhadap melaksanakan sesuatu tanggungjawab itu.

**Reseptor :** Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh PBPI setakat ini untuk memperkasa nilai-nilai 1Malaysia di kalangan staf dan pelajar?

Dr. Mariana : Dalam kalangan pelajar, konsep 1Malaysia diterapkan dalam subjek wajib universiti iaitu Hubungan Etnik di mana elemen harmonis dan persefahaman antara kaum diberi penekanan. Aktiviti seperti forum dan diskusi ilmiah mengenai perbezaan kebudayaan dan kepercayaan diberi fokus dalam pengujudan sikap toleransi dan perpaduan dalam kalangan kaum. Dalam kalangan pensyarah, budaya kecemerlangan dilaksanakan dalam bentuk penyelidikan merentasi disiplin kerana penyelidikan yang berkualiti akan menentukan kecemerlangan dan kejayaan sesuatu masyarakat itu seterusnya mengharumkan nama institusi berkenaan.

**Reseptor :** Bagaimana pula dengan budaya membaca untuk membentuk warga yang berfikiran lebih terbuka? Apakah langkah PBPI dalam menyemarakkan budaya ini di kalangan pelajar dan staf?

Dr. Mariana : Budaya membaca ini hendaklah bukan sekadar kempen atau tinggal slogan semata-mata. Semua bangsa tidak mengira miskin atau kaya, tua atau muda, berangkat atau tidak, perlu mengamalkan budaya membaca. Pelajar dan staf sentiasa disarankan untuk menambah dan mengemaskini pengetahuan mereka dalam bidang masing-masing selaras dengan arus cabaran masa kini. Staf digalakkan menulis artikel dalam jurnal kebangsaan dan antarabangsa manakala pelajar dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Dalam menghasilkan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing, ini menuntut kita untuk banyak membaca dari sumber-sumber elektronik dan bukan elektronik. Jika budaya membaca dilakukan secara konsisten, ini dapat membentuk individu yang mempunyai pengetahuan yang mendalam, bersikap lebih terbuka, seterusnya dapat menyebarluas pemikiran dan ide berasal dalam pelbagai bentuk samada secara lisan atau bertulis.

**Reseptor :** Apakah langkah PBPI untuk menentukan para staf dan pelajar dapat menghayati jati diri sebagai rakyat Malaysia melalui interaksi fizikal seperti aktiviti peringkat jabatan maupun melalui penglibatan dalam subjek kurikulum yang melibatkan pelbagai kaum?

Dr. Mariana : Penghayatan jati diri perlu datang dari dalam diri individu itu sendiri dan tidak bersandar semata-mata kepada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan atau universiti. Sebagai contoh, sifat tabah yang perlu ada dalam diri individu. Sikap dan semangat berkerja keras dan berdedikasi ini dijadikan sebagai pemangkin dalam menghadapi segala rintangan dan dugaan dalam kehidupan mereka sebagai warga dan pelajar universiti. Staf dide dahukan dalam aktiviti seperti Program PINTAR di mana kesetiaan terhadap organisasi diutamakan dalam menjayakan misi dan visi universiti. Manakala pelajar pula dide dahukan pada aktiviti seperti berkayak, program KEMBARA dan perkhemahan di mana pelajar-pelajar ini dibentuk sikap kepimpinan, berdisiplin dan berkeyakinan. Penerapan unsur dan nilai positif ini dapat membentuk pemikiran mereka sebagai satu bangsa yang dinamik selaras dengan konsep "Kita berdiri, berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia. one for all, all for one!"

**Reseptor :** Apakah cabaran dan halangan yang harus dihadapi oleh pihak universiti secara amnya dan PBPI khususnya dalam menterjemahkan konsep 1Malaysia dalam konteks pendidikan?

Dr. Mariana : Antara cabaran dan halangan utama dalam proses menterjemahkan konsep 1Malaysia ini adalah memberi pemahaman dan seterusnya mengamalkannya. Tetapi ini boleh dilakukan dengan memudahkan penerangan konsep tersebut dan menyampaikannya dalam bentuk yang boleh difahami oleh individu itu. Di peringkat universiti, tugas ini agak sukar kerana setiap individu mempunyai latarbelakang dan pendidikan yang berbeza-beza. Tugas ini akan menjadi lebih rumit jika pemikiran individu berkenaan sangat jumud dan tidak peka pada perkembangan isu semasa Negara.

**Reseptor :** Mungkinkah dapat diwujudkan satu subjek kurikulum yang dibangunkan khas untuk menekankan nilai-nilai bersama antara kaum yang perlu dipupuk untuk membentuk nilai 1Malaysia?

Dr. Mariana : Saya bukanlah orang yang layak untuk menentukan samada perlu atau tidak diwujudkan satu subjek khas. Pada pendapat saya, nilai atau konsep 1Malaysia ini boleh merentasi disiplin dan kurikulum dan tidak terikat pada mana-mana bidang atau subjek. Yang perlu ditekankan adalah kaedah pelaksanaan secara konsisten dan penghayatan konsep tersebut dalam kehidupan seharian.

**Reseptor :** Bagaimanakah cara terbaik untuk memantapkan pentadbiran dan pengurusan konsep 1Malaysia di peringkat universiti, dan di peringkat PBPI khususnya di kalangan pelajar, pensyarah, dan staf sokongan?

Dr. Mariana : Bagi saya, tidak ada satu cara atau jalan terbaik dalam memantapkan konsep 1Malaysia. Apa yang penting adalah seseorang individu itu perlu menerima, memahami dan mengamalkan konsep 1Malaysia. Sebagai contoh, jika kita boleh berfikir untuk lebih peka dan menghormati perasaan bangsa lain dengan bersifat jujur, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah, maka kita boleh menepikan sikap dan sifat mementingkan diri sendiri. Dan jika setiap pelajar juga diterapkan dengan elemen-elemen tersebut, kita semua akan dapat menyumbang khidmat bakti kita melepas sempadan kaum ke arah kesejahteraan masyarakat seterusnya dapat membina satu Negara yang dinamik dan dihormati di persada dunia. Apa yang penting adalah menetapkan matlamat serta arah tujuan kita dengan menerapkan nilai-nilai murni yang diharap dapat menyatupadukan semua warga UTeM di bawah arus 1Malaysia.

Presented

BY GINANJAR



Penulis :  
Rohayati Binti Abdullah

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON COMMUNICATION DYNAMIC (ICCD) 2010



Persidangan "INTERNATIONAL CONFERENCE ON COMMUNICATION DYNAMIC (ICCD) 2010" anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah diadakan pada 5 – 6 April 2010 di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Dewan Seminar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), UTeM.

ICCD 2010 adalah satu jambatan yang disediakan untuk perbincangan, pertukaran idea dan pembentangan hasil penyelidikan terkini dikalangan penyelidik, jurutera, pengamal industri dan ahli akademik dari seluruh dunia dalam bidang komunikasi dinamik. Ia akan menjadi pemangkin dan pelantar yang terbaik bagi mewujudkan jalinan kerjasama dan peluang kolaborasi serta perkongsian pengetahuan dikalangan peserta dan institusi-institusi yang terlibat. Persidangan ini adalah anjuran PBPI yang menyaksikan Dr. Hazmilah binti Hasan sebagai pengarah pertamanya.

Sebanyak 230 peserta telah menyertai persidangan tersebut iaitu 28 pembentang kertas kerja termasuklah 5 pembentang dari luar negara, 11 pembentang dari kalangan staf UTeM, dan 14 pembentang dari universiti dan institusi awam dan swasta manakala 20 penyertaan telah mendaftar sebagai peserta atau pemerhati persidangan. Kesemua kertas kerja telah dikategorikan berdasarkan kepada 8 sub tema iaitu komunikasi dan organisasi, komunikasi dan etik, komunikasi dan media, komunikasi dan persekitaran, komunikasi dan pendidikan, komunikasi dan budaya, komunikasi dan teknologi dan komunikasi dan komuniti. Majlis perasmian pembukaan pada 5 April 2010 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Che Rose iaitu Penasihat Khas kepada Menteri Pengajian Tinggi. Sesi Ucaptama Satu telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mus Chairil Samani dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertajuk Communication Disclosure in Technical and Social Science Research. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi Sekolah Media dan Komunikasi di UKM. Sesi Ucaptama Dua dengan tajuk Talent and Human Capital Development: an Industry's Perspective pula telah disampaikan oleh Pn. Nadiah Tan Abdullah iaitu Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, Microsoft Malaysia. Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan pada hari pertama, Kesemua kertas kerja tersebut telah pun dinilai oleh 10 panel penilai dalam bidang yang berkaitan yang dilantik oleh PBPI. Sebahagian kertas kerja persidangan yang terpilih akan dimasukkan ke dalam Journal of Human Capital Development (JHCD) terbitan PBPI dan ianya merupakan JHCD ICCD 2010 Special Edition. Manakala pada sebelah malamnya, para pembentang dan peserta persidangan telah dijamu jamuan makan malam di Ikan Bakar, Restoran Terapung sempena persidangan ICCD 2010.

Hari kedua pada 6 April 2010 di mulakan dengan sesi ucaptama jemputan disampaikan oleh Dr. Ary Ginanjar Agustian, iaitu pengasas ESQ 165 Training Leadership. Kertas pembentangan beliau bertajuk Communication Development in Character and Organization Building. Sejurus selesai sesi ini, acara penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dr. Hj. Taib Bin Dora, Dekan PBPI. Peserta dan pembentang seterusnya dibawa dalam lawatan sekitar Bandar Melaka pada waktu tengahari tersebut. ICCD kali yang pertama ini adalah suatu permulaan kepada banyak lagi yang seumpamanya di masa yang akan datang. Hasil dari usaha semua ahli jawatankuasa yang terlibat, program ini telah dapat dijalankan dengan jayanya. Semoga pada masa hadapan PBPI memberikan yang lebih baik dalam pengajuran program-program bertahap antarabangsa ini.



Penulis :  
Ahmad Jawahir bin Tugimin



# KONSEP SATU MALAYSIA

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama perlu menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat. Sejajar dengan ini, perpaduan yang sedia terjalin antara kaum di negara ini perlu diperkuuh lagi bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur.

Konsep '1 Malaysia' yang diperkenal oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri, adalah langkah yang bertepatan dengan suasana dan cita rasa rakyat. Konsep ini selari dengan apa-apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

'1 Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan masyarakat Malaysia dapat menjalinkan perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan ialah perasaan hormat-menghormati, ikhlas dan sikap saling mempercayai antara sesama kaum. '1 Malaysia' juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat sebagaimana slogan YAB Perdana Menteri iaitu 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan'.

'1 Malaysia' memerlukan kepemimpinan dan kesedaran dalaman rakyat yang berintegriti tinggi. Sifat jujur, berkebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah amatlah penting untuk melaksanakan tanggungjawab berat kepada negara. Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab menjadi asas atau senjata paling tajam dan ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara memerlukan masyarakat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam yang tinggi dan tekad yang kental demi kepentingan dan kemajuan negara.

## 2. DEFINISI

Konsep '1 Malaysia' menurut penjelasan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak:

"Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. One People. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita; Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberikan pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama".

## 3. KEDUDUKAN KONSEP '1 MALAYSIA'

Konsep '1 Malaysia' bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baru. Sebaliknya Konsep '1 Malaysia', 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan' lebih merupakan satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat.

## 4. MATLAMAT

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

'1 Malaysia' bermatlamat untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selama ini menjadi kekuatan Malaysia serta rakyatnya dan kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik kita untuk menghadapi sebarang cabaran.

'1 Malaysia' juga akan mewujudkan sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan keutamaan rakyat seperti yang terpamer melalui slogan YAB Dato' Seri Najib Tun Razak iaitu 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan'.

## 5. NILAI-NILAI '1 MALAYSIA'

Terdapat lapan nilai yang diterapkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam konsep '1 Malaysia'. Nilai-nilai murni ini diharapkan dapat menyatupadukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk negara. Lapan nilai-nilai tersebut adalah:

1. Budaya kecermelangan
2. Ketabahan
3. Rendah hati
4. Penerimaan
5. Kesetiaan
6. Meritokrasi
7. Pendidikan
8. Integriti

### 5.1. BUDAYA KECEMERLANGAN

Pengamalan budaya cemerlang akan membawa Malaysia ke tahap kejayaan serta pencapaian yang lebih tinggi. Kejayaan dan pencapaian masyarakat dan negara bergantung setakat mana budaya kecemerlangan diamalkan oleh rakyatnya.

### 5.2. KETABAHAN

Setiap perjuangan atau pelaksanaan kerja memerlukan ketabahan dan ketekunan mereka. Perjuangan untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan negara amat memerlukan pemimpin dan rakyatnya tabah menghadapi segala rintangan dan dugaan.

## **5.4. PENERIMAAN**

Konsep penerimaan dan toleransi adalah dua perkara yang berbeza sama ada daripada ungkapan mahupun pelaksanaan. Penerimaan akan memperlihat perlakuan yang positif menerima sepenuhnya sesuatu perkara dengan hati yangikhlas tanpa ada unsur-unsur terpaksa. Manakala toleransi pula berlaku kerana tiada pilihan lain atau secara terpaksa. Perlakuan atau sikap toleransi berlaku apabila sesuatu pihak tiada pilihan lain dan ia diterima dengan ketidakujuran.

## **5.5 KESETIAAN**

Prinsip kesetiaan amat diperlukan dalam apa jua keadaan. Kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah prinsip kedua Rukun Negara wajib dipegang erat oleh setiap rakyat negara ini tanpa berbelah bahagi. Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri.

## **5.6 MERITOKRASI**

Meritokrasi merupakan satu hala tuju yang perlu diamalkan dalam negara demokrasi bagi memastikan mereka yang layak dan memenuhi kriteria diberi peluang untuk memacu pembangunan negara.

## **5.7 PENDIDIKAN**

Pendidikan dan pengetahuan merupakan prasyarat penting untuk mana-mana negara dalam mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan berasaskan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan mengatasi kekuatan ketenteraan.

5.7.1 Negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan dari segala-galanya.

5.7.2 Budaya membaca berupaya melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai minda yang sentiasa terbuka.

5.7.3 Sekolah aliran kebangsaan telah ditakrifkan semula untuk memasukkan sekolah vernakular.

5.7.4 Semua aliran, sama ada sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah India hendaklah sentiasa mencari peluang berinteraksi dengan mengadakan aktiviti bersama.

5.7.5 Kurikulum yang dibangunkan untuk ketiga-tiga aliran hendaklah menekankan nilai-nilai bersama yang perlu dipupuk untuk membentuk satu Malaysia.

## **5.8 INTEGRITI**

Adalah penting bagi sesebuah kerajaan untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat. Kepercayaan dan keyakinan diperoleh melalui nilai-nilai integriti. Nilai ini perlu diamalkan oleh semua pihak daripada pemimpin sehingga semua peringkat tanpa mengira kedudukan.

## **8. KESIMPULAN**

Konsep Satu Malaysia akan membawa aspirasi untuk memperkuuhkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat sebagaimana kehendak prinsip Rukun Negara. Perkara yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati dan sikap saling mempercayai sesama kaum. Rakyat perlu memahami dan mengamalkan bahawa segala tindakan perlulah mengutamakan kepentingan negara.

Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia, segalanya perlu dinikmati secara bersama. Malaysia adalah negara kita dan tiada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan.

Nilai-nilai murni ini diharap dapat menyatu padukan rakyat Malaysia dengan fikiran dan tindakan yang menjurus kepada satu matlamat iaitu untuk negara. Melalui konsep '1 Malaysia' ini tidak akan wujud perasaan tidak berpuas hati kepada mana-mana kaum kerana semua rakyat adalah Bangsa Malaysia dan Rakyat Malaysia yang mempunyai satu hala tuju dan cita rasa untuk bersama memajukan negara. Pembinaan negara bangsa bagi sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia adalah amat penting terutama dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan.

Sesungguhnya semua rakyat Malaysia perlu mendasari prinsip-prinsip utama '1 Malaysia' iaitu kebersamaan (togetherness) dan kekitaan (sense of belonging) bagi menjayakan konsep ini.



Penulis :  
Nor Fazilah Abd. Hamid



## Kolokium Titian Integrasi Etnik

**"Dasar Ekonomi Baru dan Implikasi Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia"**

Kolokium Titian Integrasi Etnik bertemakan "Dasar Ekonomi Baru dan Implikasi Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia" anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) yang telah diadakan pada 10 Mac 2010 di Dewan Besar UTeM, Melaka.

Penganjuran Kolokium Titian Integrasi Etnik ini adalah satu wadah perbincangan dan pertukaran idea dalam kalangan ahli akademik dan para pelajar. Ianya telah disampaikan oleh Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri b. Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di PBPI.

Para peserta yang menghadiri kolokium ini terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda yang menambil kursus Hubungan Etnik seramai 950 orang. Majlis perasmian pembukaan dan penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dr.Mohd. Taib Bin Dora, Dekan PBPI.

Kolokium ini membincangkan dasar ekonomi dan hubungan etnik antara kaum yang terdapat di Malaysia. Hubungan ini hendaklah bersifat positif yang mana kefahaman dan perhubungan antara kaum yang wujud akan dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu hati dan mencapai objektif 1Malaysia. Bagi mencapai apa yang telah dirancang Rancangan Malaysia Ke-2 telah diperaktikkan pada tahun 1976 dan Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan supaya bersesuaian dengan perspektif semasa. Dasar Ekonomi Baru bermatlamatkan perpaduan negara melalui proses pembasminan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di dalam konteks keselamatan negara yang kukuh. Segala program pembangunan negara dan dasar kerajaan semasa diperkenalkan adalah dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai matlamat di atas. Kejayaan ke arah mencapai matlamat ini bukan sahaja memerlukan usaha yang gigih dari kerajaan dan kakitangannya, malah ianya memerlukan perubahan sikap, tenaga dan pemikiran rakyat dari sektor swasta.





# MyLinE in iUTeM

MyLinE is an Online Resources for Learning in English. It is a service that offers resources for self-access language learning covering study skills, academic reading, writing and listening, grammar and other resources for learning in English for full-time students of public institutions of higher learning in Malaysia. Students are expected to learn at their own pace without the aid of a tutor. MyLinE has been running for four semesters in UTeM. MyLinE proves to be a popular online learning resource among UTeM students as UTeM has the highest numbers of hits among all the public universities in Malaysia.

TABLE 1 - USE OF MYLINE AMONG STUDENTS IN PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING IN MALAYSIA

IPTA	Registered Users (Students)		Active Users (Students)		Hits (Students)	
	From 1 Jul to		From 1 Jul to		From 1 Jul to	
	31 Jul 2010	31 Aug 2010	31 Jul 2010	31 Aug 2010	31 Jul 2010	31 Aug 2010
IIUM	1,993	1,993	5	6	174	400
UniSZA	3,723	3,723	10	21	413	684
UITM	141,225	194,779	57	237	860	7,247
UKM	6,142	6,210	300	559	6,559	15,744
UM	3,221	638	8	18	113	688
UMK	1,196	1,806	46	54	675	893
UMP	7,423	7,423	69	1,055	2,071	26,865
UMS	17,846	17,846	6	11	49	208
UMT	7,317	7,311	2	172	22	6,741
UniMAP	3,757	3,757	0	21	0	205
UNIMAS	6,653	9,331	53	444	1,239	16,306
UPM	11,295	11,405	282	1,893	7,927	69,116
UPNM	793	793	4	21	35	117
UPSI	16,310	20,343	10	32	193	883
USIM	7,994	7,994	115	233	2,130	7,088
USM	1,802	1,803	2	4	35	173
UTeM	<b>6,632</b>	<b>7,093</b>	<b>1,602</b>	<b>2,629</b>	<b>70,815</b>	<b>248,497</b>
UTHM	8,723	12,596	2	13	54	461
UTM	22,254	22,518	491	1,702	15,758	150,404
UUM	31,639	31,690	13	53	303	1,025
JUMLAH	<b>307,938</b>	<b>371,052</b>	<b>3,077</b>	<b>9,178</b>	<b>109,425</b>	<b>553,745</b>

Source: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

It has proven to be a beneficial online learning resource. It is found that MyLinE knows no time zones, and location and distance. The students can access the online materials or quizzes anytime, and it also allows for real-time interaction between students and tutors. Online learning also beats time constraints of traditional classroom learning makes the online learning can be done anytime and anywhere. The students do not have to commute to the campus to complete their quizzes. They are can see any changes or updates immediately. MyLine has become a platform for shy students to contribute to their learning process by posting their thoughts and ideas via the online discussion. Online learning is very likely to reduce their anxiety to participate in classroom discussions, and increase chances of experiencing good learning. The idea of being comfortable able to post their thoughts and ideas from the comfort of their computers was very appealing to the students, whereas doing the same thing face-to-face was stressful.

# MEMPERKASA AKTIVITI KOKURIKULUM



Crazy Putting 2010

Penulis: Shahru Izwan Adnan

PERTANDINGAN  
CRAZY GOLF  
PUTTING 2010

MEGA  
POWER



Pada 20 Mac 2010 yang lalu, Kursus Golf UTeM telah menganjurkan satu Pertandingan Crazy Golf Putting yang telah disertai oleh staf Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM serta pelajar-pelajar kokurikulum Golf UTeM. Pertandingan ini telah berlangsung di Tiara Melaka Golf & Country Resort, Melaka.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat dan mengukur prestasi dalam kalangan ahli – ahli kelas kokurikulum golf dan adalah salah satu cara untuk pelajar mengimplementasikan segala yang telah dipelajari di kelas ini. Tambahan lagi, pertandingan ini juga dapat mengerakkan lagi silaturrahim ahli kelas dan mengukuhkan lagi semangat kekitaan antara satu sama lain. Pertandingan ini diadakan diantara kelas kokurikulum golf secara individu dan berpasukan dan ianya juga terbuka kepada staf – staf UTeM yang bermingat. "Mode of play" yang dijalankan secara "stableford" atau setiap sistem dimana setiap skor ada mata – mata yang tertentu dan ianya diadili oleh pelajar – pelajar yang terpilih dikalangan ahli golf.

Pertandingan ini dimulakan pada jam 8.00 pagi setelah para peserta siap sarapan diikuti dengan latihan putting pada jam 8.30 pagi. Pemain harus mengutip skor di setiap 9 lubang dan skor yang tertinggi digelar pemenang. Seterusnya, tepat jam 12.30 tengah hari, pertandingan selesai dan diteruskan dengan upacara makan tengah hari dan penyampaian hadiah yang disampaikan oleh Encik Rosli bin Saadan dengan diiringi Pro Ariffin Bin Hj Omar selaku tenaga pengajar kokurikulum Golf UTeM.

Program ini telah mendapat sambutan hangat daripada pihak kelas kokurikulum Golf serta staf PBPI serta kerjasama yang telah diberikan amat dihargai. Diharap agar pada masa akan datang program seperti ini dapat diteruskan dengan kerjasama daripada semua pihak.




## KARNIVAL SUKAN KOKURIKULUM



Telah menjadi aktiviti wajib bagi Jabatan Kokurikulum Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) untuk menganjurkan Karnival Sukan Kokurikulum dan untuk para pelajar Semester 2 Sesi 2009/2010, tarikh 17 Mac 2010 akan sentiasa terpahat di ingatan. Bertempat di padang dan gelanggang UTeM, pelbagai aktiviti dan pertandingan telah dianjurkan sepanjang karnival ini bermula dan para pelajar nampaknya memang tidak sabar untuk menunjukkan kebolehan masing-masing dalam setiap aktiviti yang diadakan. Setelah satu semester menghadiri kuliah dan menjalani latihan praktikal dalam pelbagai bidang sukan yang diminati,

ramai pelajar nampaknya memiliki kebolehan yang boleh dibanggakan seperti dalam sukan memanah, golf, berenang, badminton, sepak takraw dan lain-lain. Antara objektif penganjuran karnival seumpama ini adalah untuk memberi kebebasan kepada pelajar untuk memperaktikkan segala apa yang dipelajari tentang mata pelajaran sukan. Ianya juga adalah untuk membolehkan pelajar merasai pengalaman dalam suasana perlawanan yang sebenar disamping memberi peluang kepada mereka untuk mengamalkan kemahiran insaniah seperti kemahiran kerja berpasukan dan komunikasi. Para tenaga pengajar pula menggunakan karnival sukan ini untuk membuat penilaian terhadap aktiviti sukan yang dijalankan oleh pelajar.



Penulis: En. Rosli

# LATIHAN PANTAI TAEKWONDO

Latihan Pantai Taekwondo anjuran Jabatan Kokurikulum Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah diadakan pada 13 Mac 2010 di Pantai Tanjung Bidara, Melaka. Objektif latihan ini adalah seperti berikut:

- i. Mempelajari kaedah mempertahankan diri dengan betul
- ii. Meningkatkan disiplin dan ketahanan diri melalui pelbagai aspek
- iii. Menyempurnakan kaedah pembelajaran yang telah dirancang
- iv. Mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi kecemasan

Aktiviti di pantai dimulakan sejak awal pagi dengan aktiviti regangan sementara menanti ketibaan Master Chia yang merupakan instruktur bagi program ini. Para peserta diminta untuk mengira kadar denyutan nadi masing-masing sebelum dan selepas berlari. Master Chia seterusnya memberikan penerangan mengenai teknik-teknik mempertahankan diri dalam Taekwondo untuk menyelamatkan diri dalam keadaan yang tidak dijangka, seperti apabila peragut meragut pemangsa. Menurut Master Chia, adalah penting untuk jatuh dalam keadaan yang betul jika berdepan dengan situasi sebegini. Selain dari itu, peserta juga diajar cara-cara mempertahankan diri jika diserang oleh penjahat yang bersenjata. Para peserta dapat mengetahui serba sedikit mengenai teknik mempertahankan diri serta bagaimana untuk mengaplikasikannya pada masa yang sesuai dalam kehidupan harian. Kesimpulannya, Seni Taekwondo di samping penting sebagai salah satu cara untuk mempertahankan diri serta menyelamatkan nyawa seseorang, ia juga dapat mendisiplinkan diri pengamal seni ini selain menyihatkan tubuh badan.



Perpustakaan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



## BENGKEL BRIDGING RESEARCH TO TEACHING (BRTT)

Penulis: Kalthom binti Husain

Pada tarikh 14 Jun 2010 telah berlangsung Bengkel **BRIDGING RESEARCH TO TEACHING (BRTT)** bertempat di Kampus Bandar UTeM bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Bengkel ini adalah anjuran Penyelaras Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan 2010. Bengkel tersebut telah menarik 17 peserta dari keempat-empat jabatan di Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan (PBPI). Antara tujuan BRTT diadakan adalah untuk menghubungkaitkan penyelidikan dengan pengajaran, mengenalpasti bidang penyelidikan dalam pengajaran dan merancang pelan penyelidikan untuk kajian tindakan (Action Research). Penceramah jemputan dalam bengkel BRTT ialah Prof Madya Dr. Supyan Hussin daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). BRTT yang diadakan ini telah mencapai objektif iaitu memperjelas pengetahuan berkaitan penyelidikan tindakan kepada staf akademik PBPI melalui hasil perbincangan dan aktiviti kumpulan dibawah bimbingan penceramah sepanjang bengkel dijalankan. BRTT juga telah melandaskan dua kekuatan iaitu mewujudkan ruang dan peluang kepada pensyarah PBPI menjana pemikiran dalam mengenalpasti bidang-bidang penyelidikan yang memfokus dan menambahbaik kualiti pengajaran dan mewujudkan kerja berpasukan serta ikatan profesional antara pensyarah PBPI bagi memtemarakan aktiviti penyelidikan dari aktiviti mula merancang pelan penyelidikan sehingga membawa kepada kajian tindakan.





Penulis: Nor Baiduri Abd Halim

# FOUNDATION ENGLISH MODULE REVAMPING WORKSHOP

Served as a platform to produce the required module for Foundation English subject, Foundation English Module Revamping Workshop was conducted on 21 June 2010 at Self-Access Language Lab, Centre for Languages and Human Development. The workshop was aimed at getting the combination of ideas from 21 language lecturers and teachers of Department of Languages in order to come out with modules with more quality that fulfil the needs of UTeM students. The participants benefitted well from the workshop through the lecture presentations delivered by the invited speaker, Dr. Sarimah Shamsudin of Modern Language Department, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). They were explained about the elements and criteria needed in module writing and how to suit the contents of English language proficiency module with technical and engineering based students. Group discussions were later done to evaluate the contents of the modules prepared earlier based on the guidelines set by the speaker. The focus was on seeing the relevance of the module contents with UTeM students' needs. Apart from achieving the aims of the programme, the participants and the speaker had precious sessions of knowledge and experience sharing with regard to teaching and learning field. It is hoped that the same nature of workshop will be repeated in the future so as to ensure that the modules used in teaching and learning are relevant and are tailored to the real needs of UTeM students.





Penulis: Nooraini Sulaiman

## PROGRAM PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN JATIDIRI WARGA PBPI DI AIR PANAS RESORT, MELAKA

22 Mei 2010 merupakan hari yang ceria bagi semua warga PBPI. Pada tarikh tersebut berlangsungnya Program Pemantapan Modal Insan Dan Jati Diri Warga PBPI, yang bertempat di Air Panas Resort, Melaka. Seramai 45 orang warga PBPI telah hadir ke program ini bersama keluarga masing-masing. Rasa syukur yang tidak terhingga kerana program yang dirancang serta disusuli dengan mesyuarat dan perbincangan akhirnya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perjalanan hanya mengambil masa 15 minit dari Air Keroh ke Air Panas Resort, Bemban Jasin, Melaka, membuatkan semua peserta yang turut serta tidak sabar untuk sampai. Perjalanan diiringi dengan hujan renyai-renyai yang sedikit agak membantukan hasrat untuk mengadakan program ini. Namun, bagi yang dijangka, hujan akhirnya berhenti dan membolehkan program ini berjalan dengan lancar.

Program ini bermula pada jam 8.00 pagi dengan pendaftaran warga PBPI serta keluarga. Ada yang tidak sabar untuk mandi manda di kolam yang tersedia. Kedengaran suara anak-anak di sana sini sambil hilai tawaan serta gurauan para peserta melayan karenah anak-anak masing-masing. Semua peserta berkumpul di gelanggang sukan bagi memulakan acara. Warga sihat dan ceria adalah inspirasi PBPI. Aktiviti sihat senamrobik telah memanaskan program ini yang dipimpin oleh Encik Rosli bin Saadan di gelanggang sukan resort tersebut. Pelbagai gaya senaman telah dilakukan dengan irungan muzik yang menambah semangat para peserta melakukannya. Masa berlalu pantas, 30 minit aktiviti senamrobik cukup menyihatkan dan mengaktifkan para peserta. Sejurus aktiviti senamrobik selesai, para peserta kembali ke khemah jamuan untuk mengambil sarapan pagi dan juga acara perasmian program tersebut.

Acara perasmian dimulakan dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh dekan PBPI. Ucapan aluan dekan disertai dengan harapan beliau agar program seperti ini dapat meningkatkan semangat setiakawan warga PBPI serta bersatu dalam suasana kerja yang produktif di samping dapat kenal-mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi. Kemuncak program ini ialah acara memotong pulut kuning yang menandakan program telah dirasmikan. Hujan kembali gerimis dan tidak sekali menghalang semua peserta berkumpul pada acara perasmian tersebut.

Selaras dengan matlamatnya, program ini bertujuan meningkatkan motivasi kerja warga PBPI dan mengeratkan silaturrahim bagi menguatkan organisasi di PBPI. Selain itu, melalui program seperti ini dapat mempertingkatkan ikatan persefahaman sesama warga dalam organisasi serta meningkatkan kualiti dan budaya kerja yang cemerlang dan harmonis. Bersesuaian dengan matlamat tersebut, maka program yang dirancang itu dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang diharapkan. Pelbagai acara menarik telah dijalankan bagi memantapkan modal insan dan jati diri warga PBPI. Antara pengisian program ini yang telah dilaksanakan ialah permainan boling kelapa, telor ajil, curahan kasih, meniup belon, membawa bola pingpong, kerusi berirama, pencarian misteri serta pelbagai acara permainan yang menarik. Semua acara ini telah disertai oleh peserta yang terdiri daripada kanak-kanak, golongan remaja dan dewasa. Secara tidak langsung melalui aktiviti ini dapat memantapkan ukhuwah dan merapatkan jalinan kemesraan di antara warga PBPI serta ahli keluarga. Semangat kerjasama, setiakawan, kerja berpasukan, hormat menghormati semasa menjalankan aktiviti di sepanjang program ini dapat dijadikan motivasi dan semangat dalam melaksanakan tugas sehari-hari di pejabat.

Acara yang ditunggu-tunggu oleh semua warga PBPI ialah acara bertukar-tukar hadiah yang disampaikan oleh dekan PBPI. Jelas terpancar kegembiraan di wajah masing-masing apabila menerima hadiah daripada rakan-rakan. Pemberian yang tulus ikhlas akan membina jambatan dan tautan mahabbah yang suci dan murni. Simboliknya acara ini dapat mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga PBPI.

Turut diraikan para pemenang mencipta logo dan nama badan Kebajikan dan Sukan PBPI (BAKES), antaranya ialah Puan Mawarni Abd Manan, Puan Noriza Md Isa, Encik Mohamad Zahir Zainudin dan Encik Mohd Helmi Omar. Hadiah kepada pemenang yang berluar ini turut disampaikan oleh dekan PBPI. Selesai semua aktiviti, warga PBPI disajikan dengan makanan tengahari yang enak dan menyelerakan. Kari daging, ayam goreng serta sayur campur menjadi menu utama makanan tengahari itu. Penat lelah dengan pelbagai aktiviti yang disertai, kini tiba masanya semua peserta menjamu selera. Sambil menjamu selera kedengaran di sana sini gurauan dan hilai tawa para peserta yang turut menghangatkan suasana makan tengahari itu.

Melewati jam 1.30 tengahari, program ini selesai dilaksanakan dengan jayakan. Semua warga PBPI kelihatan kelelahan, namun jelas kegembiraan terpancar di wajah masing-masing. Mungkin di kotak fikiran masing-masing program sebegini wajar diadakan lagi di lain masa. Melalui program seperti ini menjadikan warga PBPI lebih kenal mengenali di antara satu sama lain, begitu juga ahli keluarga. Apa yang pasti program ini dapat meningkatkan semangat dan jaringan kerjasama di antara sesama warga PBPI dan berupaya menjadi platform persaudaraan dan penyatuan semua warganya.





Penulis: ANIDAH BINTI ROBANI

## PELAKSANAAN KAJIAN SKALA KEMAHIRAN INSANIAH MALAYSIA (MALAYSIAN SOFT SKILLS SCALE – MY3S)

Kemahiran insaniah (KI) atau softskills merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai aspek pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi aspek individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan (nilai kebolehpasaran yang tinggi) dan menjadi modal insan yang tidak hanya berkemahiran tinggi tetapi juga berketrampilan dan berdaya saing.

Selaras dengan kepentingannya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan pelaksanaan kemahiran insaniah (KI) dalam kurikulum IPT seluruh negara. Melalui inisiatif ini, IPTA diberi mandat untuk membantu negara dalam pembentukan graduan yang memiliki kompetensi dan ketrampilan yang seimbang dan holistik sama ada dari aspek kognitif, intelektual, psikomotor, kemahiran mahu pun keterampilan moral dan akhlak. KPT telah memperkenalkan tujuh elemen KI yang perlu diterapkan di IPT iaitu; Kemahiran Berkommunikasi (CS), Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (CTPS), Kemahiran Kerja Berpasukan(TS), Kemahiran Keusahawanan (ES), Pembelajaran Berterusan (LL), Etika dan Moral Profesional (EM) serta Kemahiran Kepemimpinan (LS).

Terkini, dalam usaha memantapkan penerapan KI di IPTA, Jabatan Pengajian Tinggi melalui Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik telah membangunkan satu instrumen khas dikenali sebagai Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (Malaysian Soft Skills Scale – My3S) untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar IPT. Inisiatif ini dibuat berdasarkan justifikasi bahawa keberkesanannya penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar perlu diukur tahap penguasaannya.

Instrumen My3S merupakan skala atas talian menggunakan internet. Instrumen ini mengandungi tidak kurang daripada 200 item yang dibina berdasarkan tujuh elemen utama kemahiran insaniah. Sebagai tambahan kepada penerapan kemahiran insaniah di IPT, instrumen ini turut merangkumkan item-item pengukuran bagi penguasaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar IPT. Dalam kajian ini para pelajar dikehendaki memberi jawapan sama ada item tersebut menggambarkan diri mereka atau tidak pada skala 0 hingga 10. Skor pula akan dikira dengan menjumlahkan pangkatan pelajar bagi setiap item. Skor yang telah ditransformasi ditafsirkan berdasarkan skor min yang dibahagikan kepada lima tahap penguasaan iaitu Sangat Lemah (<2.00), Lemah (>2.00-4.00), Sederhana Lemah (> 4.00-6.00), Baik (> 6.00-8.00), dan Cemerlang (> 8.00). Untuk menentukan seseorang pelajar itu mempunyai tahap penguasaan yang tinggi bagi elemen KI tertentu, beliau perlu memiliki skor melebihi 6.00 untuk dikategorikan sebagai "Mencapai Tahap".

Sebagai permulaan kajian ini hanya akan melibatkan para pelajar warganegara Malaysia tahun pertama yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kumpulan sasaran ini dikecikilan lagi skopnya kepada para pelajar yang mendaftar bagi sesi kemasukan Julai 2010 / 2011 yang lalu. Sebelum bergraduat, kumpulan pelajar ini dikehendaki menduduki sekali lagi kajian MY3S ini untuk melihat perkembangan penguasaan kemahiran insaniah mereka. Justeru kajian ini merupakan kajian yang bersifat longitudinal (tempoh jangka panjang).

Fasa pertama kajian ini akan berlangsung pada 4 hingga 8 Oktober 2010. Untuk pelaksanaan kajian MY3S ini Unit Kemahiran Insaniah (UKI), PBPI akan bertindak selaku urusetia atau sekretariat untuk memastikan kelancaran pelaksanaan kajian ini di sepanjang tempoh yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, UKI juga telah mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai pihak khususnya fakulti-fakulti-kejuruteraan dan Pusat Komputer, UTeM dari aspek penyediaan tempat, hebahan kepada pelajar dan kemudahan





# EVERYTHING BIG STARTS LITTLE UTeM'S INTENSIVE ENGLISH LANGUAGE PROGRAMME A TALE OF SUCCESS

Penulis: Subatira Balakrishnan



The intensive English Language Programme (IELP) is initiated especially to cater to the needs of foreign students who intend to pursue their first degree courses at UTeM. Pusat Bahasa & Pembangunan Insan takes pride in enrolling these students to an English Language Programme tailored to their needs. The curriculum and syllabus are designed to maximise student contact and exposure to the English language. Teaching plans are prepared for fourteen weeks of classes. Practically all the English language instructors at PBPI are involved in carrying out this programme. The essential skills covered are Listening, Speaking, Reading, Writing and Grammar. Students were given 16 hours of lessons every week for one academic semester.

The first batch of thirty students, consisting largely of Yemenis, registered at UTeM last December and they were given the English Language Placement Test (EPT). EPT is necessary to stream students of differing levels of English language proficiency in order to facilitate the effective teaching and learning of the language. This test also elicited the information that a few students had some sound English language background. These students were either from educated families or had taken some form of English language courses before coming to Malaysia. They were then placed in three different classes: INTERMEDIATE, ELEMENTARY and PRE ELEMENTARY. Besides the normal teaching load, fourteen lecturers and language teachers were tasked to teach these classes. All English language instructors took great trouble in sourcing the right materials for their students to ensure content appropriateness and language suitability. Instructors also never failed to encourage these international students to use English at every available opportunity. The EPT was administered again at the end of the course, and it was most heartening to see the marked improvement the students had made. Furthermore, these students performed well in their public speaking performance held just before their semester ended. The evaluators could see that students had improved by leaps and bounds in terms of attitude, demeanour and most importantly, language skills within the 4 months. These students were also taken on a tour around the Malacca City to gain first hand information of the place that they had come to stay and study for the next three years. After the trip, they were required to write an account of their experiences and observations. Currently, some of these students are doing various first degree programmes at UTeM.

The second batch of International students, mainly Somalis and Indonesians, arrived at UTeM recently and sat for the EPT at the end of June. After scrutinising their scores and interviewing those deemed good enough to go straight into the faculties for their first degree studies, the IELP committee decided to retain only those with very weak English language communicative ability. This particular group of students is at present placed in the ELEMENTARY class. After completing the Elementary course requirements, they will then advance to the INTERMEDIATE level for 14 weeks before proceeding to the ADVANCED level for another 14 weeks. These three levels will ensure that the students have sufficient exposure to the English language before embarking on a degree programme in the next academic year at UTeM.

We, the English language instructors of PBPI, are and will always be committed to bring out the best in our students. The main objective of IELP is to help students gain a good footing in the English language in order to realise their goals and dreams at UTeM. When it comes to a university education, let us hope that UTeM will be the first choice for international students. The best will never rest...



Penulis: Muliati

## LAWATAN KERJA RASMI KE UNIVERSITI-UNIVERSITI DI BRUNEI DAN BANGKOK, THAILAND

Bermula dari 29 November – 4 Disember 2009 telah berlangsung suatu Lawatan Kerja Rasmi ke universiti-universiti di Brunei dan Bangkok Thailand yang disertai oleh Ketua Jabatan Bahasa, Pengurus Makmal, Penyelaras Kemahiran Insaniah dan seorang pensyarah kanan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI). Universiti-university yang telah dilawati adalah:

- i- Universiti Brunei Darussalam
- ii- Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam
- iii- Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam
- iv- Institut Teknologi Brunei, Brunei Darussalam
- v- Universiti Chulalongkorn, Bangkok, Thailand
- vi- Universiti Bangkok, Bangkok, Thailand

Objektif lawatan tersebut adalah untuk menimba pengalaman, mengenalpasti strategi dan membuat perancangan untuk pembangunan dan pengurusan program bahasa asing yang efektif di PBPI. Selain dari itu, delegasi berpeluang untuk bertukar idea dan mengkaji pelaksanaan serta pengurusan makmal bahasa asing, mengenalpasti pakar-pakar dalam bidang berkaitan bahasa untuk dicadangkan sebagai Professor Pelawat, meneroka peluang kerjasama penyelidikan, penganjuran seminar dan program pertukaran pelajar dan staf dan tidak lupa untuk mempromosi khidmat perundingan yang ditawarkan oleh PBPI seperti Intensive English Language Programme.

Delegasi UTeM telah mengadakan lawatan ke Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 30 November 2009. Ianya merupakan universiti pertama ditubuhkan di Brunei. UBD telah mengambil langkah berani untuk memperkenalkan satu program ijazah iaitu Generation next degrees yang mana pelajar dalam program ini diwajibkan untuk melalui program pertukaran pelajar dengan negara-negara luar seperti Jepun, China dan lain-lain dalam jangkamasa yang ditentukan bagi mengukuhkan elemen kemahiran insaniah. Pusat bahasa ini juga menggunakan pendekatan mengambil tenaga pengajar dari kalangan native speaker untuk memaksimumkan kebolehan pelajar menguasai bahasa asing.


Lawatan delegasi UTeM ke Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) pada 1 Disember 2009 disambut dengan penuh mesra oleh warga KUPUSB. KUPUSB adalah kolej universiti yang dinaiktaraf dari maktab perguruan dan ianya menawarkan kursus-kursus pendidikan agama Islam tulen dengan menyasarkan lulusan graduan dalam bidang pendidikan agama Islam. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa pengantar di KUPUSB telah memberi ruang kepada delegasi UTeM untuk mencipta peluang kolaborasi dalam pelbagai aspek yang bersesuaian. Antara beberapa perkara telah dibincangkan adalah cadangan mengadakan jaringan kerjasama dalam bidang pengajaran bahasa (Inggeris dan Arab), kemahiran insaniah, pertukaran staf antara guru bahasa Inggeris dari PBPI ke KUPUSB dan cadangan kerjasama dalam penganjuran bersama seminar ICCD dan SKIKS.

Delegasi UTeM juga berpeluang ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). UNISSA adalah universiti kedua yang ditubuhkan di Brunei dengan memberi penumpuan kepada pengembangan ilmu Islam dalam semua kursus yang ditawarkan. UNISSA menawarkan kursus-kursus pendidikan agama Islam tulen dengan menyasarkan lulusan graduan dalam semua bidang yang berkaitan agama Islam.

Institut Teknologi Brunei (ITB) telah ditubuhkan sejak 22 tahun yang lalu dan menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan, ICT dan juga pengurusan perniagaan. ITB juga memfokuskan pembelajaran dan pembelajaran yang berorientasi hands-on dan industry-based learning. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di ITB. Dalam masa yang sama, dilihat banyak persamaan diantara ITB dan UTeM khususnya dari segi pelaksanaan kursus dan juga silibus subjek bahasa. Dari perbincangan yang adakan bersama wakil dari Pusat Bahasa dan Hal Ehwal Pelajar kedua-dua pihak bersetuju untuk bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan dalam beberapa bidang yang dilihat sesuai, diantaranya adalah cadangan mengadakan jaringan kerjasama /penambahbaikan modul/silibus dalam bidang pengajaran bahasa inggeris, cadangan dan pembangunan penyelidikan yang berkaitan bidang bahasa dan kemahiran insaniah dan cadangan kerjasama dalam penganjuran bersama seminar ICCD dan SKIKS.

Lawatan seterusnya menjurus kepada universiti-universiti di sekitar Bangkok, Thailand. Bersama International Affairs Office, Chulalongkorn University, delegasi UTeM telah menandatangani MoU dan membincangkan cadangan untuk mendapatkan Professor Pelawat dari Universiti Chulalongkorn. Lawatan ke Language Institute (LI), Bangkok University (BU), Bangkok Thailand pula menyaksikan majlis menandatangani MoU di antara UTeM-LI Bangkok University. Delegasi UTeM juga memanjangkan jemputan kepada Universiti Bangkok bagi membantu pemantauan dan penggunaan Self-Access Language Lab di PBPI, UTeM.

Secara keseluruhan, Program Lawatan ke universiti-universiti sekitar Brunei dan Bangkok Thailand telah banyak memberi ruang kepada UTeM untuk bertukar idea, meneroka peluang kerjasama penyelidikan, mengenalpasti pakar-pakar dalam bidang berkaitan bahasa serta program pertukaran pelajar dan staf, mempromosi program IELP, dan juga mengkaji pelaksanaan serta pengurusan makmal bahasa.




Penulis: Nor Azliah Binti Ahmad

## FORUM PENGUKUHAN INTEGRITI IMALAYSIA MASYARAKAT BERINTEGRITI TERAS KEJAYAAN

# 1MALAYSIA

Pada 27hb Mac 2010 lalu, semua pelajar Diploma khususnya yang mengambil subjek Hubungan Etnik dan Tamadun Islam telah melibatkan diri dalam Forum akademik anjuran bersama antara Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan (JPIK), Pusat Bahasa & Pembangunan Insan, UTeM. Objektif utama forum ini diadakan ialah untuk mendedahkan konsep 1Malaysia dalam suasana masyarakat yang pelbagai Etnik di kalangan mahasiswa. Ianya menjadi satu platform kepada pengetahuan mahasiswa dalam melihat perkembangan semasa yang berlaku dalam negara. Bertepatan dengan suasana pelancaran konsep 1Malaysia, para pelajar diharapkan dapat memahami sepenuhnya konsep tersebut selain dapat menerapkan nilai integriti dalam diri mereka. Forum ini juga dilihat sebagai menyahut hasrat kerajaan untuk memperkasakan mahasiswa dengan semangat cintakan negara kerana mereka yang bakal meneraju kepimpinan masa hadapan.

Ahli-ahli panel yang telah diundang khas ialah Prof. Dr. Abdul Aziz Bari selaku pensyarah Fakulti Undang-undang UIA, Prof. Dr. Teo Kok Seong selaku Profesor di Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM serta Dr. Sarjit Singh selaku pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Forum ini telah dipengerusikan oleh encik Mohd Rais Bin Ramli iaitu Penolong Pengurus Sektor Ekonomi IIM dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Datuk Prof. Dr. Mohd Nor Husain dan Prof. Dr. Mohd Taib Bin Dora selaku Dekan PBPI. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Tap Salleh iaitu Presiden IIM yang menyeru Majlis Perwakilan Pelajar serta semua persatuan yang ada di UTeM agar berganding bahu membantu kerajaan membudayakan nilai integriti dalam diri dan masyarakat.



# Galeri PBPI

UTE

BENG  
PENGAJARAN PEMIKIR  
PEMURNIA  
PEMBANGUNA  
— 2





# CALL FOR PAPERS

## Journal of Human Capital Development (JHCD)

### Introduction:

The Journal of Human Capital Development is a refereed journal, which was launched in August 2008 by the Center of Languages and Human Development, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. The journal is published twice a year. It serves as a platform for the discussion of new perspectives related to issues on languages and human development.

### Objectives:

The journal aims to encourage development of ideas related to the humanities. It also contributes towards the advancement of these ideas at the local, national and global levels.

### Areas:

- Contributions can range from the following streams:
- Human Development
- Social and Industrial Studies
- Technology Development
- Education
- General

Paper Submission: Further information on preparation of manuscript can be reviewed at guidelines for paper submission.

### DETAILS FOR PAPER SUBMISSION

JHCD welcomes manuscripts from researchers and writers in related disciplines. Each submission is reviewed by three to seven peer reviewers with final decisions reported to the author within 1-2 months. Contributors to the JHCD should submit manuscripts electronically as e-mail attachments and files should be in Microsoft Word format.

The article must be your original work and should not have been published elsewhere.

### STYLE

Include a **cover page** as a separate file attachment (it should NOT be in the same file that contains your manuscript). To facilitate anonymous reviews, indication of authorship should appear only on this page. This separate cover page must contain the following information:

Title of paper

Names of authors

Academic departments or disciplines of authors

Institutional affiliations of authors

Positions of Authors

Mailing addresses

Email addresses

Telephone numbers

As a guide, articles should be typed **double-spaced** on an **A4-sized** paper, no more than 8,000 words in **length**. Authors must supply an **abstract** of 100–150 words. Up to six **keywords** should be included which encapsulate the principal subjects covered by the article.

Where there is a **methodology**, it should be clearly described under a separate heading. **Headings** must be short, clearly defined and not numbered.

**Notes or Endnotes** should be used only if absolutely necessary and must be identified in the text by consecutive numbers, enclosed in square brackets and listed at the end of the article.

**Figures, charts and diagrams** should be kept to a minimum. They must be black and white with minimum shading and numbered consecutively.

**Tables** should be kept to a minimum. They must be numbered consecutively and a brief title. In the text, the position of the table should be shown by typing on a separate line the words "take in Table 1".

References should comply with the APA style manual. (Publication Manual (5th Edition) of the American Psychological Association.) See <http://www.apastyle.org/>.

The manuscript will be considered to be the definitive version of the article. Your manuscript must be edited and polished to high professional standards. The author must ensure that it is complete, grammatically correct and without spelling or typographical errors. Extremely poor quality work with numerous grammatical errors will not be sent out for peer reviews.

### FINAL SUBMISSION OF THE ARTICLE

#### Final Version of the Manuscript

- Microsoft Word is HDT's preferred file format for manuscript text and tables. All text, including the abstract and reference list, should be prepared in a single column and double-spaced.
- Indent or add extra space between all paragraphs;
- Every submission should be accompanied by a completed Article Submission Form.

For further inquiry please contact:

Prof. Dr. Mohd Taib bin Hj. Dora - Chief Editor  
[mohdtaib@utem.edu.my](mailto:mohdtaib@utem.edu.my)

or  
Mohamad Zahir bin Zainudin -Technical Advisor  
[mzahir@utem.edu.my](mailto:mzahir@utem.edu.my)

**JOURNAL OF HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT**  
**CENTRE FOR LANGUAGES AND HUMAN DEVELOPMENT**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**  
Hang Tuah Jaya,  
76100, Durian Tunggal, Melaka, MALAYSIA  
Tel: 06-3316900 / 6956